

23 AUG 1997

Brunei-Sultan

SULTAN BRUNEI LAWAT M'SIA EMPAT HARI

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Sultan Hassanal Bolkiah dari Brunei akan mengadakan lawatan rasmi empat hari ke Malaysia mulai esok yang mana baginda akan mempunyai jadual yang ketat, termasuk perbincangan dua hala dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Lawatan itu, di atas jemputan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar, ialah sebagai membalas lawatan baginda ke Brunei pada bulan September 1996, kata satu kenyataan Kementerian Luar.

Kali terakhir Sultan of Brunei membuat lawatan rasmi ke Malaysia ialah pada bulan Mac 1992.

Baginda akan diringi oleh Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saleha dan Pengiran Isteri Hajjah Mariam dan anggota keluarga diraja yang lain, serta beberapa menteri kabinet, pegawai kanan kerajaan dan delegasi perniagaan.

Ketibaan rombongan diraja itu di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang akan disambut oleh Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Satu upacara sambutan rasmi akan diadakan di Dataran Parlimen sejurus selepas itu.

Acara lawatan baginda bermula dengan lawatan ke Menara Berkembar Petronas, bangunan tertinggi dunia di sini.

Selepas itu, Dr Mahathir akan diperkenankan mengadap baginda di suit baginda di Hotel Shangri-la di mana Perdana Menteri akan dikurniakan dengan darjah kebesaran Brunei, Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati (DK).

Di sebelah malamnya, Yang di-Pertuan Agong akan meraikan rombongan diraja itu ke satu majlis jamuan negara di Istana Negara.

Pada hari Selasa, Sultan Hassanal Bolkiah, yang juga Perdana Menteri Brunei, akan mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir mengenai isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa di Jabatan Perdana Menteri.

Kemudian rombongan diraja itu akan melawat pusat peranginan Mines Resort di Sungai Besi, All-Asia Broadcast Centre (Astro) di Bukit Jalil sebelum menemui rakyat Brunei di sini di Istana Sharif Ali di Jalan Ampang.

Pada hari Rabu, baginda, yang juga Menteri Pertahanan, akan melawat pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Airod, pusat penyelenggaraan pesawat, kedua-duanya di Subang.

Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan juga akan meraikan rombongan diraja itu ke satu jamuan makan tengahari, di mana baginda akan menyampaikan ucapan kepada ahli-ahli perniagaan dan para usahawan dari Malaysia dan Brunei.

Baginda juga akan menyampai ucapan bertajuk "Tomorrow's Southeast Asia: A Bruneian Perspective (Asia Tenggara di Hari-hari Esok: Perspektif Brunei)" di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar di Petaling Jaya.

Baginda juga akan memperkenalkan mengadap kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di suit hotel baginda sebelum berangkat pulang pada hari Khamis. -- BERNAMA

AU WAT